



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan diberikan kepada Anak Negeri Perlis yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis;

BIL	Jawatan / Gred	Kumpulan Perkhidmatan	Taraf Jawatan	Gaji Minimum -Maksimum
1.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)/ GRED N19 (1 KEKOSONGAN)	PELAKSANA	TETAP	RM 1,352.00 – RM 4,003.00

JAWATAN: PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN /OPERASI) GRED N 19

Jabatan : Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis
Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Taraf Jawatan : Tetap (1 Kekosongan)

1. JADUAL GAJI GRED N 19

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,352.00	RM4,003.00	RM100.00

2. SYARAT-SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a. warganegara Malaysia; dan
- b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c.
 - i Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,352.00) atau
 - ii SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,408.40) atau
 - iii SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,464.80)

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU ✓

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (Sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diliktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS: ✓

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

CARA MEMOHON:

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Pengisian Jawatan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis yang boleh didapati melalui laman web rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis dengan melayari www.maips.gov.my dan kaunter pentadbiran ini.
2. Hanya calon yang berkeelayakan selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
3. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan dan temuduga jawatan ini adalah tanggungjawab calon.
4. Semua permohonan jawatan perlu disertakan *resume* dengan sekeping gambar terkini berukuran passport, bersama salinan sijil/ dokumen-dokumen yang telah disahkan seperti berikut;
 - i) Kad pengenalan
 - ii) Sijil kelahiran
 - iii) Sijil tamat persekolahan
 - iv) Sijil-sijil Akademik
 - v) Sijil kegiatan luar (Jika ada)
 - vi) Lain-lain dokumen pengesahan pernah menjalankan tugas berkaitan dengan jawatan dipohon.
5. Permohonan yang lewat atau tidak lengkap tidak akan dilayan dan akan dianggap tidak Berjaya.
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
7. Sila tulis 'nama jawatan' disebelah atas kiri sampul surat bagi permohonan jawatan yang dikemukakan.
8. Permohonan yang telah lengkap diisi beserta salinan dokumen yang telah disahkan hendaklah dialamatkan atau dihantar kepada:

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS
NO. A2, TAMAN PENGKALAN ASAM
JALAN TUANKU SYED PUTRA
01000 KANGAR
PERLIS**



TARIKH TUTUP IKLAN: 3 MEI 2024 (JUMAAT)

TARIKH: 22 APRIL 2024